

29 JUN 2001

Mahathir-Lancar

DR MAHATHIR LANCAR BILIK GERAKAN PILIHAN RAYA PEMUDA KG PERTAMA

BUKIT MERTAJAM, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan bilik gerakan pilihan raya pergerakan Pemuda Umno cawangan Kampung Pertama di sini.

Ketibaan beliau di perkarangan bilik gerakan itu disambut dengan laungan "Hidup Umno" dan "Hidup Melayu" oleh anggota pergerakan Pemuda cawangan itu dan juga bahagian Permatang Pauh.

Perdana Menteri diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebagai tanda pelancaran itu Dr Mahathir telah menandatangani plak bilik gerakan itu, yang terletak di tepi pintu masuknya.

Beliau meluangkan masa kira-kira 25 minit untuk meninjau bilik itu sebelum menerima 291 borang permohonan untuk menjadi anggota Pemuda Umno cawangan Kampung Pertama daripada ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Permatang Pauh, Ahmad Nizar Hashim.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno negeri, Roslan Saidin berkata pelancaran bilik gerakan pilihan raya Pemuda itu adalah yang pertama di Pulau Pinang dan ia ditubuhkan sebagai menyahut seruan Presiden Umno baru-baru ini supaya Umno menggerakkan jentera pilihan rayanya.

Katanya, bilik-bilik gerakan pilihan raya di bahagian lain di negeri ini akan dibuka selepas ini.

Perdana Menteri kemudiannya menghadiri majlis dialog dengan jawatankuasa bahagian, ketua cawangan, ketua Pemuda dan Wanita bahagian Permatang Pauh dan Bukit Mertajam di Politeknik Seberang Perai.

-- BERNAMA

ZU NMO